

Dua Anugerah Wanita Mampu Rangsang Lebih Ramai Wanita Berjaya - Najib Bernama
25 September , 2011

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata penyampaian Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita dan Anugerah Perdana Menteri Penganjur Sosial Wanita 2011 yang diperkenalkan buat julung kali tahun ini akan menjadi titik permulaan untuk melahirkan lebih ramai ikon wanita dalam kedua-dua bidang berkenaan.

Perdana Menteri berkata selain memberi pengiktirafan kepada ikon wanita berjaya, penyampaian kedua-dua anugerah itu juga diharap dapat merangsang lebih ramai kaum wanita untuk berusaha gigih dan mencapai kejayaan seumpamanya.

"Saya fikir kalau ada majlis sebegini yang boleh mengiktiraf tokoh ikonik yang berjaya sebagai usahawan dan penganjur sosial akan juga dapat merangsang lebih ramai wanita untuk berfikir 'kalau mereka boleh melakukannya kenapa tidak saya?'"

"Itu semangat yang mahu kita lihat melalui anugerah ini," katanya sempena majlis penyampaian Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita dan Anugerah Perdana Menteri Penganjur Sosial Wanita 2011 di sini Ahad.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Setiausaha Kementerian itu Datuk Dr Noorul Ainur Mohd Nur serta Pengerusi Yayasan Sime Darby Tun Musa Hitam.

Pada majlis itu, pengasas syarikat Ken-Rich Chemical Production Sdn Bhd, syarikat pengilang peralatan kimia, Hooi Lai Lin dinobatkan sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri Usahawan Wanita 2011 manakala Presiden Rumah Amal Cheshire Datin Paduka Khatijah Sulaiman@Sulaiman memenangi Anugerah Perdana Menteri Penganjur Sosial Wanita 2011.

Kedua-dua mereka menerima hadiah wang tunai RM100,000 dan trofi kristal serta seutas jam tangan setiap seorang.

Hooi juga mendapat tajaan penyertaan dalam program pembangunan pengesport wanita anjuran Matrade dan Khatijah pula mendapat penajaan daripada Tabung Khas Perbendaharaan selama dua tahun bagi menjalankan program atau aktiviti sosial.

Perdana Menteri berkata peranan kaum wanita kini sudah bergerak jauh daripada ruang lingkup sebagai ibu dan isteri kepada menjadi penganjur sosial dan aktivis politik.

Katanya mereka kini berada dalam fasa di mana kedudukan mereka semakin tinggi dan telah berjaya melangkah ke dalam arus perdana.

Oleh itu, kata Najib sudah sampai masa untuk kaum wanita di negara ini diberikan peluang dan dorongan yang lebih kuat untuk mencipta kejayaan demi kejayaan.

"Ini penting untuk memperkasakan wanita sebanyak yang mungkin," katanya.

Najib berkata wanita Malaysia bernasib baik kerana tidak pernah berdepan dengan tekanan

untuk memperjuangkan hak asasi mereka seperti mana yang berlaku di negara-negara lain termasuk negara maju.

Mengakui bangga dengan pencapaian yang ditempa kaum wanita negara ini, Perdana Menteri berharap usaha mereka tidak terhenti kerana kerajaan sentiasa menyokong mereka.

Katanya sasaran kerajaan untuk meletakkan 30 peratus wanita dalam bidang korporat tidak sepatutnya dijadikan isu.

"Ini bukan kuota tetapi sasaran... kita bagi tempat berdasarkan merit. Jika tidak saya rasa wanita pun tidak akan terima jika tidak berdasarkan merit," katanya.

Lebih penting, kata Perdana Menteri wanita perlu dilihat sebagai rakan dalam perjalanan untuk mentransformasikan Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615695>